

Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i: Kempen *Make It Count Loyalty*

Tempoh Kempen

“Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i: Kempen *Make It Count Loyalty*” (“**Kempen**”) Hong Leong Bank Berhad (“**HLB**”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (“**HLISB**”) (secara kolektif dirujuk sebagai “**Bank**”) bermula pada 1 November 2019 dan tamat pada 7 Januari 2020, termasuk kedua-dua tarikh tersebut, (“**Tempoh Kempen**”) kecuali dimaklumkan sebaliknya.

Terma & Syarat

Berikut adalah terma dan syarat yang berkuatkuasa ke atas Kempen (“**T&S**”):-

Kelayakan

- Kempen ini terbuka kepada semua individu warganegara Malaysia yang merupakan pemegang akaun Bank sedia ada (“**Pelanggan**”) yang memenuhi kriteria kelayakan yang berikut:
 - Berumur antara 21 – 60 tahun;
 - Bekerja bergaji atau bekerja sendiri dengan pendapatan minimum Dua Puluh Empat Ribu Ringgit Malaysia (RM24,000) setahun;
 - Tidak mempunyai sebarang baki tunggakan sedia ada atas mana-mana Pinjaman Peribadi HLB dan/atau Pembiayaan Peribadi-i HLISB sebelum Tempoh Kempen; dan
 - Menerima jemputan dari Bank untuk menyertai Kempen melalui *e-Direct Mailer* (“**EDM**”) dan/atau menerima panggilan telefon dari pihak jualan telefon Bank dan/atau jualan terus dan/atau kakitangan cawangan (“**Panggilan Telefon**”) dan/atau iklan sasaran atas platform Facebook (“**Facebook**”).
- Berikut **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen:
 - Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, perbuatan atau kesalahan di sisi undang-undang yang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank atau Pelanggan yang telah diisytiharkan muflis atau tertakluk kepada sebarang prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen.
 - Pelanggan yang telah dikenalpasti Bank sebagai mempunyai potensi untuk melakukan sebarang kesalahan yang termaktub di dalam Terma dan Syarat.
 - Kakitangan tetap dan mempunyai kontrak dengan Bank.
 - Pelanggan yang memegang lebih daripada satu Kemudahan sedia ada dengan Bank.

Mekanik Kempen

- Untuk menyertai Kempen ini, Pelanggan dikehendaki memenuhi terma yang berikut sepanjang Tempoh Kempen:-
 - Memohon untuk sekurang-kurangnya satu daripada kemudahan berikut (“**Kemudahan**”) untuk tempoh dari dua (2) hingga lima (5) tahun (“**Tempoh Kemudahan**”) dan amaun kemudahan seperti yang tertakluk di jadual di bawah (“**Amaun Kemudahan Dipohon**”):

Kemudahan	Amaun Kemudahan Dipohon (RM)*	
	Amaun Minima	Amaun Maksima
Pinjaman Peribadi HLB	5,000	250,000

Pembiayaan Peribadi-i HLISB	5,000	150,000
-----------------------------	-------	---------

*Untuk mengelakkan dari kecurigaan, Amaun Kemudahan Diluluskan tidak semestinya bersamaan dengan Amaun Kemudahan Dipohon.

(b) Permohonon untuk Kemudahan dihantar melalui saluran permohonan berikut: permohonan atas talian melalui laman sesawang Bank di www.hlb.com.my atau www.hlisb.com.my ("**Laman Sesawang Bank**") atau Perbankan Dalam Talian Hong Leong Connect ("**Connect**") atau permohonan telefon melalui jualan telefon, jualan terus dan cawangan Bank.

Pelanggan yang memilih untuk menghantar permohonan mereka melalui saluran Connect mesti memenuhi semua kriteria di bawah:

- (i) Mempunyai akaun semasa/akaun semasa-i dan/atau akaun simpanan/simpanan-i individu Hong Leong yang sah dan aktif (secara kolektif dirujuk sebagai "**CASA/CASA-i Hong Leong**");
- (ii) Pengguna Connect berdaftar; dan
- (iii) Tidak mempunyai sebarang Kemudahan sedia ada dengan Bank.

Untuk tujuan Kempen ini, Pelanggan yang telah memenuhi semua kriteria di Klaus 3 di atas akan dirujuk sebagai "**Pelanggan Layak**".

Kadar Faedah/Keuntungan untuk Kemudahan

4. Pelanggan Layak yang permohonan untuk Kemudahan telah diluluskan dan disalurkan selewatnya 31 Januari 2020 layak menikmati kadar faedah/keuntungan rata mengikut cara yang tertera di Jadual 1 di bawah:

Jadual 1

Amaun Kemudahan Diluluskan	Kadar Faedah/Keuntungan Rata yang Dikenakan	Tempoh Kemudahan
RM5,000 – RM49,000	5.50% setahun	2 tahun hingga 5 tahun
RM50,000 – RM250,000 (sehingga RM150,000 untuk Pembiayaan Peribadi-i HLISB)	4.50% setahun	

Nota: Kadar faedah/keuntungan efektif berbeza seperti berikut bergantung kepada Tempoh Kemudahan:

- (i) Kadar rata 4.50% setahun – Kadar faedah/keuntungan efektif berbeza dari 8.29% setahun sehingga 8.41% setahun
- (ii) Kadar rata 5.50% setahun – Kadar faedah/keuntungan efektif berbeza dari 10.01% setahun sehingga 10.23% setahun

5. Ilustrasi ansuran bulanan yang perlu dibayar untuk Amaun Kemudahan Diluluskan sebanyak RM5,000 yang diambil sepanjang Tempoh Kemudahan lima (5) tahun adalah seperti yang diilustrasikan dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2

Amaun Kemudahan Diluluskan*	Tempoh Kemudahan	Kadar Faedah/Keuntungan yang Dikenakan	Jumlah Faedah/Keuntungan yang Perlu Dibayar Sepanjang Tempoh Kemudahan	Ansuran Bulanan**
(a)	(b)	(c)	(d)= a x b x c	(e)=(a+d) / (b x 12)
RM5,000	5	5.50% setahun	RM1,375	RM110

*0.50% daripada Amaun Kemudahan Diluluskan akan ditolak daripada Kemudahan semasa penyaluran untuk cukai setem yang perlu dibayar atas Kemudahan..

**Ansuran bulanan akan dibundarkan kepada RM5 terdekat.

Umum

6. Dengan menyertai kempen in, Pelanggan dengan ini:

- bersetuju bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh T&S yang tertakluk dan Terma dan Syarat Pinjaman Perbadi Hong Leong dan Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi-i Hong Leong;
- bersetuju untuk melawat Laman Sesawang Bank pada selang masa yang kerap untuk membaca T&S dan untuk mengikut sebarang perubahan atau perbezaan kepada T&S;
- bersetuju bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju kepada [Notis Privasi](#) yang terdapat di Laman Sesawang Bank;
- bersetuju membekalkan semua dokumen berkaitan yang mungkin diminta oleh Bank tepat pada masanya supaya Kemudahan dapat diluluskan dan disalurkan sebelum/pada 31 Januari 2020 dan Bank tidak akan bertanggungjawab jika Kemudahan tidak dapat disalurkan sebelum/pada 31 Januari 2020 untuk sebarang sebab sekalipun;
- bersetuju bahawa keputusan Bank dalam semua perkara berkaitan Kempen (termasuk tetapi tidak terhad kepada kelulusan Kemudahan dan/atau amaun Kemudahan diluluskan) adalah muktamad, akhir dan mengikat dan sebarang surat-menyurat selanjutnya dan/atau rayuan untuk mempertikai keputusan tersebut tidak akan dilayan
- bersetuju akan memikul tanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai yang dikenakan, caj kerajaan atau sebarang caj lain yang boleh dikenakan berdasarkan undang-undang yang berkenaan, jika ada, berkait dengan penyertaan mereka dalam Kempen;

7. Bank berhak untuk:

- menolak mana-mana permohonan Kemudahan yang diserahkan mengikut budi bicara mutlaknya;
- membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Kempen ini mengikut budi-bicara mutlaknya;
- menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang terdapat di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, atau untuk menamatkan Kempen ini atas budi bicara mutlaknya, dengan memberi notis awal kepada Pelanggan menggunakan cara memaparkannya di Laman Sesawang Bank, atau menggunakan sebarang kaedah lain yang dianggap sesuai oleh Bank.

8. T&S yang terkandung di sini dan [Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB /Pembiayaan Peribadi-i HLISB](#) hendaklah dibaca sebagai perjanjian menyeluruh. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S Kempen ini dengan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i Hong Leong, T&S spesifik di sini akan diguna pakai setakat percanggahan tersebut.
9. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S di sini berbanding sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan sebarang bahan lain yang berkaitan dengan atau mengenai Kempen ini, T&S muktamad di Laman Sesawang Bank akan diguna pakai.
10. T&S yang terkandung di sini dikawalselia oleh dan ditafsirkan berdasarkan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
11. Perkataan yang menggambarkan satu jantina termasuklah semua jantina dan kata-kata lain yang menandakan mufrad termasuk jamak dan sebaliknya.